



FAKULTI SENI GUNAAN DAN KREATIF

**PENGURUSAN PEMASARAN MASKAMAL BATIK & TRADING**

**KAMPUNG BUT KETEREH KELANTAN**

**NORLINDA BT ABDULLAH**

Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian

(Pengurusan seni )

2014

PENGURUSAN PEMASARAN MASKAMAL BATIK & TRADING

KAMPUNG BUT KETEREH KELANTAN

NORLINDA BT ABDULLAH

31928

Projek ini merupakan salah satu keperluan untuk  
Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian  
(Pengurusan Seni)

Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

2014

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

Grade: \_\_\_\_\_

Please tick (✓)

Final Year Project Report

Masters

PhD

DECLARATION OF ORIGINAL WORK

This declaration is made on the .....**30**.....day of.....**MAY**2014.

Student's Declaration:

I ..... **NORLINDA BINTI ABDULLAH,31928, FACULTY OF APPLIED & CREATIVE ARTS** .....  
- (PLEASE INDICATE STUDENT'S NAME, MATRIC NO. AND FACULTY) hereby declare that the  
work entitled ..... **PENGURUSAN PEMASARAN BATIK & TRADING KAMPUNG BUT KETEREH** .....  
..... **KELANTAN** ..... is my original work. I have not copied from any other students' work or from any other  
sources except where due reference or acknowledgement is made explicitly in the text, nor has any  
part been written for me by another person.

**NORLINDA BTABDULLAH**  
**(31928)**

**30 MAY 2014**

Date submitted

Name of the student (Matric No.)

Supervisor's Declaration:

**Prof. Datuk. Dr Hj Hashim B Hj Awang**  
I ..... (SUPERVISOR'S NAME) hereby certifies that  
the work entitled ..... **PENGURUSAN PEMASARAN MASKAMAL BATIK & TRADING KAMPUNG...** .....  
..... **BUT KETEREH, KELANTAN** ..... (TITLE) was prepared by the above named student, and was submitted to  
the "FACULTY" as a \* partial/full fulfillment for the conferment of ..... **BACHELOR OF APPLIED** .....  
**ARTS WITH HONOURS (ARTS MANAGEMENT)** ..... (PLEASE INDICATE THE DEGREE),  
and the aforementioned work, to the best of my knowledge, is the said student's work.

Received for examination by: **Prof. Datuk. Dr Hj Hashim B Hj Awang** Date: **30 MAY 2014**

(Name of the supervisor)

I declare that Project/Thesis is classified as (Please tick (√)):

**CONFIDENTIAL** (Contains confidential information under the Official Secret Act 1972)\*

**RESTRICTED** (Contains restricted information as specified by the organisation where research was done)\*

**OPEN ACCESS**

### Validation of Project/Thesis

I therefore duly affirmed with free consent and willingness declare that this said Project/Thesis shall be placed officially in the Centre for Academic Information Services with the abiding interest and rights as follows:

- This Project/Thesis is the sole legal property of Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS).
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to make copies for the purpose of academic and research only and not for other purpose.
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to digitalise the content for the Local Content Database.
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to make copies of the Project/Thesis for academic exchange between Higher Learning Institute.
- No dispute or any claim shall arise from the student itself neither third party on this Project/Thesis once it becomes the sole property of UNIMAS.
- This Project/Thesis or any material, data and information related to it shall not be distributed, published or disclosed to any party by the student except with UNIMAS permission.

Student signature \_\_\_\_\_  
( 30 MAY 2014 )

Supervisor signature: \_\_\_\_\_  
( 30 MAY 2014 )

Current Address:

Kampung Takel Dalam Labok 18500 Machang Kelantan

Notes: \* If the Project/Thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach together as annexure a letter from the organisation with the period and reasons of confidentiality and restriction.

[The instrument is duly prepared by The Centre for Academic Information Services]

## PENGAKUAN

Projek bertajuk **Pengurusan Pemasaran Maskamal Batik & Trading Kampung But Ketereh Kelantan** telah disediakan oleh **Norlinda binti Abdullah** dan telah diserahkan kepada Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif sebagai memenuhi syarat untuk Ijazah Sarjana Muda Gunaan dengan Kepujian Pengurusan Seni.

Diterima untuk diperiksa oleh :

\_\_\_\_\_  
(Prof Datuk Dr Hj Hashim bin Hj Awang)

Tarikh :  
\_\_\_\_\_

## PENGHARGAAN

Bersyukur kehadiran Illahi kerana limpah kurniaNYA, telah memberi keupayaan kepada saya telah berjaya menyempurnakan tugas ini. Pelbagai halangan yang telah dihadapi namun alhamdulillah, semuanya telah dapat disiapkan dalam tempoh yang telah ditetapkan.

Dikeempatan ini, saya mengucapkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga buat penyelia saya iaitu Prof Datuk Dr Hj Hashim bin Hj Awang yang telah banyak memberikan teguran ,tunjuk ajar serta nasihat yang baik kepada saya bagi menyiapkan kajian ini. Semoga sentiasa dilindungi dan bahagia hendaknya. Buat keluarga yang tersayang semoga dilindungi Allah S.W.T dan berbanyak terima kasih diatas didikan, kasih sayang, nasihat serta bantuan yang diberikan. Segala jasa dan pengorbanan kalian tidak akan dilupakan. Tidak lupa juga rakan-rakan seperjuangan yang banyak memberi pandangan dan dorongan dalam menyiapkan kajian ini.

Akhir kata, ampun dan maaf sekiranya terdapat kekurangan sepanjang saya menyiapkan kajian ini. Segala yang baik itu datangnya dari Allah dan segala kelemahan itu datangnya dari saya sendiri.

## **ABSTRAK**

Kajian ini berkaitan tentang pengurusan pemasaran Maskamal Batik & Trading Kampung But Kelantan. Kajian ini memfokuskan pengurusan pemasaran Maskamal Batik & Trading dalam aspek merangka strategik pemasaran kraftangan batik yang dijalankan. Pemerhatian dan penelitian merupakan kaedah yang digunakan dalam kajian. Hasil kajian ini mendapati bahawa pengurusan pemasaran Maskamal Batik & Trading dapat dilihat dari aspek penentuan harga, promosi dan kepuasan yang terdapat pada batik tersebut.

## **ABSTRACT**

This study is related to the management of marketing Maskamal Kampung Batik & Trading But Ketereh Kelantan. The study focused on marketing management Maskamal Batik & Trading in strategic marketing aspects of developing a setup batik handicrafts. Observation and the methods used in the study. The study found that marketing management Maskamal Batik & Trading can be seen from the aspect of pricing, promotion and fulfillment is found in batik.



## KANDUNGAN

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS /LAPORAN.....	i
PENGAKUAN.....	iii
PENGHARGAAN.....	iv
ABSTRAK.....	v
KANDUNGAN.....	vii
SENARAI PETA .....	ix
SENARAI RAJAH .....	ix

### BAB I : PENGENALAN

Pengenalan.....	1
Latar Belakang Penyelidikan.....	2
Lokasi Kajian.....	3
Permasalahan kajian.....	4
Objektif Kajian.....	5
KepentinganKajian .....	7
Rumusan.....	9

### BAB II: KUPASAN KEPUSTAKAAN

Pengenalan.....	10
Rujukan .....	11
Rumusan.....	19

### BAB III : METODOLOGI KAJIAN

Pengenalan .....	20
Sumber Data .....	21
Instrument Kajian .....	24
Limitasi kajian .....	25
Rumusan .....	26

### BAB IV : ANALISA DATA DAN PENEMUAN

Pengenalan.....	27
Pemerhatian .....	29
Penemuan.....	33
Rumusan .....	42

### BAB V : CADANGAN, PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

Pengenalan .....	43
Rumusan.....	44
Cadangan.....	45
Kesimpulan .....	50

RUJUKAN .....	51
---------------	----

LAMPIRAN .....	52
----------------	----

SENARAI PETA :

Peta 1: Lokasi Maskamal Batik & Trading Kampung But .....3

SENARAI RAJAH :

Rajah 1: Penetapan Harga berdasarkan Tiga Peringkat .....31

Rajah 2 : Aspek Yang Terdapat Dalam Promosi .....32

Rajah 3 : Aspek Yang Terdapat Dalam Pemasaran .....35

Rajah 4 : Proses Pemasaran .....37

## **BAB I :PENGENALAN**

### **Pengenalan**

Seni dan kraftangan adalah keperluan asas kehidupan manusia di dunia ibarat irama dan lagu yang tidak dapat dipisahkan dengan kehidupan masyarakat sekarang. Masyarakat tradisional juga tidak ketinggalan dalam soal ini. Industri seni dan budaya kini telah menjadi satu daripada industri terpenting dalam pertumbuhan ekonomi sesebuah negara. Perkembangan kian dirasai melalui kegiatan pemasaran yang dilakukan. Misalnya, batik warisan seni budaya sangat berharga dalam kehidupan suatu masa dahulu. Kesenian, kraftangan ini diamalkan sejak turun-temurun oleh setiap lapisan masyarakat yang melambangkan kemahiran kerja tangan yang kreatif.

### **Latarbelakang Kajian**

Industri seni dan budaya pada hari ini merupakan satu daripada industri yang terpenting dalam membawa kepada pertumbuhan ekonomi sesebuah negara. Kelebihan yang dicapai dari segi kemudahan dan perkhidmatan merupakan nadi perkembangan seni tekstil. Perkembangan tersebut disifatkan sebagai satu usaha dalam membawa, memperluas serta mempelbagaikan ekonomi dalam sektor seni agar menjadi lebih dinamik.

Bagi menghasilkan kajian ini, penyelidik memfokuskan Maskamal Batik & Trading Kampung But Ketereh Kelantan, sebagai sasaran dan melihat pengurusan

pemasaran produk Maskamal Batik & Trading dalam menjalankan aktiviti dan program berkaitan dengan pengurusan yang dilakukan oleh mereka.


Pengurusan pemasaran Maskamal Batik & Trading di Kampung But Ketereh Kelantan menyediakan perkhidmatan sebagai pembekal dan pengeluar. Kelebihan produk yang dikeluarkan adalah dari segi kualiti kain yang diguna dalam mengeluarkan batik. Selain itu, pelanggan boleh menentukan jenis kain mahupun corak berdasarkan pilihan dan kehendak mereka. Kerana sebagai pembekal mahupun pengeluar syarikat ini sedaya upaya memastikan produk yang dikeluarkan dapat menarik minat dan memenuhi kehendak pelanggannya.

Disamping itu, mendapat Kerjasama daripada institusi penting dalam memastikan sesuatu yang dilakukan oleh usahawan-usahawan kraf dapat berjalan dengan lancar, misalnya Perbadanan kemajuan kraftangan Malaysia yang memaju, menggiat dan perembangkan serta memelihara standard perusahaan kraftangan dengan berbagai cara termasuk mengadakan perkhidmatan penyelidikan, perusahaan kraftangan dan memajukan pemasaran pengeksportan keluaran-keluaran kraftangan seperti batik serta sebagainya.

## Lokasi Kajian

Lokasi kajian merupakan tempat penyelidik menjalankan kajian dalam mendapatkan maklumat dan data untuk dimuatkan dalam kajian yang dilakukan.

Dibawah merupakan lokasi kawasan kajian yang dilakukan oleh pengkaji:



**Peta 1 Lakaran lokasi Maskamal Batik & Trading Kampung But Ketereh Kelantan**

Lokasi utama yang dipilih ialah Maskamal Batik & Trading beralamat No 27 kampung But km 16, Jalan Kuala Krai, Ketereh 16450 Kota Bharu, Kelantan Darul Naim. Lokasi ini juga membantu pengkaji dalam menyelesaikan isu kajian kerana kawasan tersebut berdekatan dengan kawasan pengkaji. Dengan pengurusan dalam kajian ini, pengkaji dapat memastikan pengurusan yang terdapat dalam kajian tersebut serta dapat mencapai objektif dalam usaha-usaha dalam memajukan syarikat tersebut. Syarikat tersebut diusahakan oleh suami isteri yang mana syarikat dipilih berdasarkan gabungan nama mereka. Maskamal Batik & Trading telah mula beroperasi pada tahun 1990.

### **Permasalahan kajian**

Permasalahan kajian dalam penyelidikan ini adalah berkaitan dengan pengurusan pemasaran yang melibatkan isu yang menekankan aspek melalui konsep dalam pasaran.

i. Kesanggupan pengguna bergantung kepada kepuasan yang di tonjolkan melalui kualiti produk yang dihasilkan.

ii. Penentuan harga dalam memainkan peranan terhadap pemasaran sesuatu produk yang dihasilkan.

iii. Kebanyakan jualan hidup mati bergantung kepada promosi yang dilakukan.

## **Objektif Kajian**

Secara umumnya, objektif kajian adalah bertujuan bagi menaipasti bagaimana bahagian pengurusan pemasaran menggunakan kaedah yang berkesan dalam pelaksanaannya. Pengkaji membahagikan objektif kajian kepada dua bahagian iaitu objektif umum dan khusus mengenai kajian yang dilakukan.

### **Objektif umum**

Objektif umum yang dijalankan adalah untuk mengenai pasti kesanggupan pengguna terhadap pemasaran batik yang dilakukan oleh Maskamal Batik & Trading Kampung But Ketereh Kelantan berdasarkan kualiti produk yang ditonjolkan.

### **Objektif khusus**

Kajian ini berkaitan dengan pengurusan pemasaran di Maskamal Batik & Trading Kampung But Ketereh Kelantan yang dilakukan bertujuan melihat bagaimana Maskamal Batik & Trading dalam usaha mengetengahkan produk kraftangan batik dan menarik minat pengguna disegenap lapisan masyarakat berdasarkan jaringan pemasaran yang diwujudkan.

Selain itu, penyelidik melihat bagaimana Maskamal Batik & Trading Kampung But Ketereh Kelantan membuat keputusan dalam mengeluarkan produk batik dalam memastikan kestabilan pemasaran dan cabaran dalam merealisasikan usaha untuk memartabatkan batik yang dihasilkan.



## **Kerangka Konsep**

Pengurusan merupakan sesuatu yang dilakukan secara preatasi yang proaktif dalam kehidupan masyarakat sekarang terutama kepada pelanggan yang memerlukan sesuatu yang melibatkan pengurusan dalam kehidupan mereka berdasarkan tindakbalas yang positif terhadap kehendak pelanggan. Serta sentiasa berusaha menghasilkan sesuatu yang kreatif dalam bidang yang diceburi dan mendapatkan pandangan orang sekeliling berkaitan dengan bidang tersebut.

Serta pemasaran melibatkan samada individu mahupun kumpulan dalam mendapatkan apa yang diinginkan dalam bidang pemasaran yang dilakukan oleh mereka. Selain itu, dapat dilihat apabila kepuasan yang dapat dicapai berdasarkan matlamat yang diinginkan oleh mereka dalam bidang yang diceburi, serta memperoleh manfaat melalui produk yang dicipta berdasarkan kreativiti sehingga mempunyai identiti dan nilainya yang tersendiri.

Kajian ini merupakan kajian yang berkaitan dengan pengurusan pemasaran Maskamal Batik & Trading Kampung But Ketereh Kelantan iaitu tempat secara langsungnya dalam mendapatkan maklumat yang lebih terperinci dan jelas dalam memperolehi sumber dan menyentuh peranan dan aktiviti syarikat dalam pengurusan tersebut. Penyelidikan ini, akan melibatkan mereka yang bertanggungjawab dalam mengendalikan pengurusan syarikat Maskamal Batik & Trading Kampung But Ketereh Kelantan.

Penyelidikan ini meliputi aspek pengurusan pihak yang bertanggungjawab iaitu bagaimana syarikat ini menguruskan produk mereka dari segi pelaksanaan dan cara promosi kepada masyarakat. Kajian yang dijalankan juga meliputi pengurusan yang di

buat oleh Syarikat Maskamal Batik & Trading Kampung But Ketereh Kelantan dalam memperolehi sumber pengurusan syarikat daripada perancangan awal sehingga membawa kepada pemasaran yang sempurna. Selain itu, kajian yang dilakukan juga melihat kepada faktor-faktor sekeliling yang terdapat dalam konteks pemasaran yang dijalankan antaranya harga, kualiti serta kepelbagaian corak. Ini kerana, dalam tujuan pengisian bagi mendapatkan maklumat pengurusan dalam aktiviti pemasaran. Maskamal Batik & Trading Kampung But Ketereh Kelantan telah mendapatkan kerjasama daripada beberapa buah badan agensi kerajaan yang memainkan peranan penting mempertingkatkan pengeluaran syarikat mereka dan memberi imej positif kepada syarikat mereka dalam industri batik terutama di Kelantan.

Penyelidik menjurus kepada pengurusan pemasaran strategik industri batik Kelantan yang memfokuskan sebagai bahan kajian. Oleh yang demikian, konsep pengurusan dipilih sangat sesuai sebagai panduan untuk dalam menyelesaikan masalah kajian seterusnya dapat mencapai matlamat serta objektif kajian berteraskan panduan yang diambil daripada bahan rujukan seperti buku yang berkaitan dengan aspek dan skop yang dikaji oleh penyelidik dalam membimbing perjalanan kajian megikut arah yang betul.

### **Kepentingan Kajian**

Kepentingan penyelidikan ini adalah bertujuan untuk melihat sejauh mana pengurusan pemasaran dan melihat sejauh mana pengetahuan dan kefahaman yang khusus berkaitan dengan pengurusan pemasaran yang diperlukan, kajian yang dilakukan ini harap dapat dijadikan sebagai panduan dan rujukan kepada mereka yang

ingin membuat penyelidikan yang sama agar sedikit sebanyak dapat memperolehi satu gambaran yang jelas serta memahami secara tidak langsung kaedah pemasaran Maskamal Batik & Trading Kampung But Ketereh Kelantan yang matlamat dalam menjaga warisan seni kraftangan. Serta, penyelidikan ini juga bertujuan untuk mengetahui penerimaan dan pengeluaran batik yang dilakukan.

Penyelidikan yang dilakukan juga dapat memberi manfaat kepada semua pihak samada dari aspek penyelidikan berdasarkan maklumat yang diperolehi dari Maskamal Batik & Trading Kampung But Ketereh Kelantan dalam bentuk pengurusan. Serta kajian ini merupakan satu cara penyampaian maklumat kepada masyarakat khususnya pengkaji dalam melihat bagaimana cara Syarikat Maskamal Batik & Trading Kampung But Ketereh Kelantan dalam menjalankan pengurusan dan kaedah dalam pemasaran bagi tujuan pengisian di syarikat tersebut.

Lantaran itu, penyelidikan ini juga bertujuan untuk membantu dalam usaha memasarkan produk kraf tangan Maskamal Batik & Trading Kampung But Ketereh dapat meningkatkan taraf dan pengeluaran batik mereka. Hal ini, kerana syarikat Maskamal Batk & Trading Kampung But Ketereh Kelantan secara tidak langsung akan menjadi tumpuan pembeli dan pengguna batik yang ingin membeli dan mendapatkan batik dengan lebih lanjut lagi. Melalui, keadaan ini secara tidak langung dapat membantu Maskamal Batik & Trading Kampung But Ketereh Kelantan untuk mendapatkan keuntungan serta menaikkan mutu keluaran mereka.

Maskamal Batik & Trading kampung But Ketereh Kelantan dengan adanya kerjasama dan usaha yang dilakukan oleh badan-badan kerajaan seperti Mara dapat membantu usaha yang dijalankan oleh pihak syarikat tersebut untuk mengekalkan kesenian warisan dalam diri masyarakat seiring dengan peluang memasarkan produk.

Penyelidikan ini juga boleh diguna pakai sebagai proses pertimbangan untuk tujuan penyelidikan mahupun kajian pada masa akan datang berdasarkan potensi dan penerimaan batik ini dalam memberi peluang yang mendatangkan manfaat kepada masyarakat setempat sebagai “industri sokongan”. Oleh itu, industri batik memerlukan penerimaan positif agar memberi kesan yang baik dalam perkembangan pemasaran dalam usaha mengekalkan warisan yang tergolong dalam kategori kesenian dan kebudayaan Negeri Kelantan.

### **Rumusan**

Dalam bab satu, penerangan spesifik telah memberi gambaran yang merangkumi latar belakang kajian, objektif kajian, permasalahan kajian, kepentingan kajian yang dijalankan. Secara tidak langsung, bab satu menyentuh latar belakang kajian yang dijalankan terhadap pengurusan pemasaran Maskamal Batik & Trading Kampung But Ketereh Kelantan yang berkaitan dengan faktor yang membawa kepada objektif kajian yang dijalankan.

Batik Negeri Kelantan merupakan salah satu industri kesenian dan kraf warisan bagi masyarakat negeri Kelantan yang diwarisi sejak zaman nenek moyang terdahulu yang amat popular dalam bidang kesenian dan kraf di seluruh negeri Malaysia berdasarkan pembuatan dan teknik yang digunakan dalam memberi kelebihan dalam bidang pengurusan pemasaran.

## **BAB II : KUPASAN KEPUSTAKAAN**

### **Pengenalan**

Sorotan kesusteraan merupakan bahagian akan menjelaskan kembali kajian yang dilakukan oleh pengkaji-pengkaji terdahulu dalam mendapatkan maklumat yang tepat mengenai kajian sebagai bahan sokongan terhadap kajian yang dilakukan oleh pengkaji. Serta memberi pemahaman berkaitan dengan pegurusan pemasaran produk melalui pemerhatian yang dilakukan, terdapat beberapa buah buku yang ditulis oleh penulis yang berkaitan dengan kajian yang dilakukan oleh pengkaji. Tujuan utama, kajian semula adalah sebagai asas kepada pembentukan kerangka konseptual dalam menyiapkan kajian, berdasarkan kepada peranan dan konsep utama yang cuba diketengahkan berdasarkan kajian dan penyelidikan yang dibuat oleh beberapa orang penulis sebelum ini. Hal ini, kerana sebagai satu kaedah pendekatan yang melibatkan pengurusan pemasaran yang dilakukan oleh Maskamal Batik & Trading Kampung But Ketereh Kelantan.

Pendekatan yang berkaitan dengan pengurusan pemasaran yang dijalankan dalam mengetengahkan produk dan melibatkan diri dalam industri batik yang sedia ada dapat digarap berdasarkan kajian semula yang dilakukan. Penyelidikan yang dikemukakan dapat memberi panduan kepada penyelidik dalam meliputi kandungan kepada kajian yang akan dilakukan. Hal ini, kerana teori yang dihasilkan dapat membantu pengkaji dan memberi sokongan kepada penyelidikan yang akan dilakukan oleh pengkaji.

Secara spesifiknya, penyelidikan yang dilakukan, tidak mengulas secara mendalam tentang pengurusan pemasaran dalam mengetengahkan batik berdasarkan pemasaran kepada pelanggan.

Terdapat buku-buku yang pernah dihasilkan adalah seperti Barbara Leigh.(2000), buku tersebut menyentuh tentang kraf tangan Malaysia seperti batik. Secara umum buku tersebut menyatakan tentang ciri-ciri kebudayaan, elemen-elemen serta pemahaman tentang kebudayaan dan keunikan batik sejak zaman terdahulu sehingga sekarang yang mengalami perubahan yang besar kerana keputusan kenaikan luar biasa perlancongan tempatan dan antarabangsa dari segi permintaan mahupun hasil kraf serta menyusuri asal usul dan tema dalam menyedari medium material budaya dan peningkatan peranan industri dalam pengeluaran kraf berdasarkan kebijaksanaan yang dimiliki oleh orang kraf berdasarkan bakat yang mereka dari segi kreativiti dan sensitiviti yang digambarkan dalam kemahiran seni.

Buku yang ditulis oleh Barbara Leigh. ( 2000), adalah berkenaan dengan industri kraftangan Malaysia batik, buku tersebut berkaitan dengan perubahan yang dialami dalam seni tekstil batik dalam zaman sekarang. Pengkaji mengambil pendekatan melalui aspek perubahan berdasarkan permintaan masyarakat samada dalam mahupun luar negara. Ia penting untuk memastikan penyelidik dapat mengetahui tentang perubahan dan penerimaan batik dari dahulu sehingga sekarang. Menurut buku beliau, batik berkembang berdasarkan kebijaksanaan yang dimiliki oleh mereka yang terlibat dalam kraf tekstil menerusi bakat dan kebolehan dalam menghasilkan satu kemahiran seni yang menarik.

Perjuangan dalam memartabatkan batik menerusi "Batik -A Legacy of Datin Seri Endon Mahmood " mengisahkan perjuangan beliau dalam memartabatkan batik

yang dilancarkan di Shah Alam ( Berita Minggu Ahad 17/09/2006) mengetengahkan beliau sebagai tokoh yang memberi nafas baru dan memartabatkan industri batik negara. Ini melalui, usaha-usaha yang dilakukan oleh beliau dalam mengangkat seni Negara yang diwarisi dari nenek moyang yang mempunyai nilai estetikan yang tersendiri berdasarkan keunikkan dan kreativiti yang ditonjolkan.

Menurut pandangan Tan Sri Dato Dr. Khoo kay. (2007), yang merupakan seorang ahli sejarahwan terkemuka di Malaysia dalam bukunya “A Legacy of Datin Seri Endon Mahmood”. Berkisarkan tentang perjuangan Allahyarhamah Datin Seri Endon Mahmood dalam mengangkat industri batik negara ke peringkat yang lebih tinggi dan sebagai penghormatan terhadap usaha beliau dalam memastikan seni warisan negara terus berkembang sehingga membuka banyak ruang dan peluang kepada industri batik. Pendekatan yang penyelidik dapat gunakan berdasarkan buku yang ditulis oleh beliau adalah berkenaan dengan aspek usaha-usaha yang dalam mendorongnya peningkatan dalam industri batik. Penyelidik turut mendapat pengetahuan dan maklumat dalam menyiapkan kajian yang dilakukan, dengan adanya usaha sedemikian sedikit sebanyak membawa kesan positif terhadap perkembangan industri batik. Ianya, memang tidak dapat dinafikan kerana penekanan oleh Allahyarhamah dalam memartabatkan batik sebagai satu warisan negara yang tiada tolak bandingnya kerana mempunyai keunikkan dan kelebihan tersendiri. Penyelidik melihat ianya sebagai panduan kepada perkembangan industri batik sekarang.

Industri batik Negara dijangka akan terus berkembang dengan pelbagai aktiviti yang dilakukan sebagai langkah dalam mewujudkan rangkaian antarabangsa peminat batik. Ia juga sebagai langkah dalam merapatkan hubungan antara negara-negara yang berpotensi sebagai pengeluar batik dalam perkongsian teknologi seiring dengan

strategi pemasaran seni kraf dan industri batik sebagai satu langkah Malaysia untuk berkongsi dalam memajukan industri batik di peringkat antarabangsa. Berdasarkan petikan yang dipetik daripada keratan akhbar Konvensyen Batik Antarabangsa Kuala Lumpur (Disember 2005).

Michael Quinn Patton. (1987), berdasarkan pendapat beliau tentang kaedah dalam menggunakan kaedah kualitatif dalam membuat kajian. Menerusi kaedah tersebut dapat dilihat adalah temubual, pemerhatian yang berkait secara langsung yang bertulis dalam memberi pendedahan dan panduan kepada penyelidik berdasarkan isu-isu dan kes tertentu serta terdapat panduan dan kebaikan menggunakan kaedah kualitatif serta buku yang dijadikan sebagai bahan bacaan dan memberi petunjuk kepada penyelidik menerusi masa yang sesuai dalam menggunakan kaedah kualitatif.

Buku tersebut dijadikan sebagai panduan dalam kajian yang dilakukan oleh penyelidik berdasarkan fokus kajian dalam membuat penilaian terhadap pengurusan pemasaran yang dilakukan oleh Maskamal Batik & Trading Kampung But Ketereh Kelantan. Menerusi kaedah pelaksanaan dari segi produk, harga dan promosi yang dilakukan yang dibuat dalam bentuk temubual dan pemerhatian. Secara tidak langsung penyelidik dapat mempraktikkan kaedah temubual yang lebih efektif dan berkesan berdasarkan teori yang diguna pakai dalam membawa kepada pengumpulan maklumat yang baik.

Mintzbeay H. (1973), menurut pandangan beliau bidang pengurusan memperlihatkan beberapa badan utama yang memainkan peranan secara teratur dalam melakukan kerja pengurusan. Ini kerana, peranan-peranan tersebut merupakan satu tingkah laku yang menggambarkan satu kedudukan dalam meletakkan mereka yang terlibat misalnya peranan perseorangan dalam bidang pengurusan. Ia perlihatkan